


- Singkatan daripada Natural Gas Vehicle (NGV) iaitu kenderaan yang menggunakan gas asli termampat atau gas asli cair sebagai pilihan bahan api untuk kenderaan.
- Terdapat kira-kira 5 juta kenderaan NGV di dunia pada 2006 dengan majoriti berada di Argentina, Brazil, Iran, Pakistan, Itali dan Jerman manakala bilangannya di Malaysia dijangkakan 40,000 buah.
- Mula diperkenalkan di Malaysia pada 2005 dengan penggunaannya semakin meluas sewaktu kenaikan harga minyak tahun lalu.
- NGV lebih mesra alam, baik untuk enjin dan harganya lebih murah berbanding petrol dan diesel.
- Pemasangan karburator NGV adalah sekitar RM2,600 hingga RM4,500 dan harga sistem suntikan penuh sekitar RM5,800 hingga RM7,800 bergantung kepada jenis kereta dan saiz silinder.
- Tangki NGV diimport dari China, Brazil, Argentina, India dan Korea Selatan manakala peralatan sokongannya pula dari Itali, Brazil, Argentina dan Denmark.



KERETA menggunakan NGV ini meletup di sebuah stesen minyak di Cheras tahun lalu, mujur pemandunya terselamat kerana berada di hadapan kenderaan itu sewaktu kejadian.

'Kenderaan NGV umpama bom'

Kosmo 11/7/09 MIS 2

PETALING JAYA - Beribu-ribu kereta di jalan raya yang menggunakan gas asli sebagai bahan api diibaratkan seperti 'peluru berpandu bergerak dengan bom', menurut Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (WECAM).

Setiausaha Agung persatuan itu, S. Piarapakaran berkata, kereta berkenaan diibaratkan seperti itu kerana pemilik kenderaan tersebut menggunakan bengkel-bengkel haram dan membiarkan mekanik yang tidak berkelayakan untuk memasang tangki gas berkenaan di kereta mereka.

Beliau berkata, penyelidikan WECAM menunjukkan bahawa hanya untuk menjimatkan beberapa ringgit, pemilik sanggup mengabaikan aspek keselamatan dengan menggunakan bahan dan hasil kerja yang tidak baik

untuk dipasang di kereta mereka dengan tangki gas asli.

Malahan tidak ada agensi yang cekap di negara ini untuk mengawal dan memantau kenderaan gas asli (NGV), katanya kepada *Bernama*.

Oleh kerana gas adalah bahan mudah terbakar, katanya, pemasangan tangki gas yang tidak baik dengan hos getah dengan mudahnya boleh menyebabkan letupan semasa perlanggaran.

"Bayangkan kemusnahan pada alam sekitar dan kehilangan nyawa jika kenderaan itu melalui lebuhraya yang sibuk," kata Piarapakaran.

Beliau menggesa kerajaan mengambil langkah segera untuk mengurangkan bahaya akibat pemasangan tangki gas yang tidak mengikut peraturan. - *Bernama*